



NOTIS

SIASATAN AWAM PEMBAHARUAN PIAWAI WAJIB UNTUK KUALITI PERKHIDMATAN (MANDATORY STANDARD FOR QUALITY OF SERVICE; MSQoS) PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI

- **JALUR LEBAR TANPA WAYAR;**
- **JALUR LEBAR BERWAYAR; dan**
- **SELULAR AWAM**

CYBERJAYA, 8 April 2021 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan menjalankan Siasatan Awam terhadap cadangan pembaharuan Piawai Wajib Untuk Kualiti Perkhidmatan (Mandatory Standard For Quality Of Service; MSQoS) di atas, mulai 8 April hingga 4 Jun 2021.

Keperluan kualiti perkhidmatan kini amat ketara bagi pengguna dengan peningkatan penggunaan dan keperluan perkhidmatan telekomunikasi terutamanya Internet yang telah meningkat dengan mendadak akibat pandemik COVID-19. MSQoS merupakan salah satu daripada instrumen kawal selia penting yang diwujudkan bagi melindungi kepentingan pengguna di Malaysia daripada segi kualiti perkhidmatan. MCMC memantau dan mengawal selia pelaksanaan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan yang berkaitan dan tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap sebarang kegagalan pematuhan piawai tersebut.

MCMC menjemput pihak industri, orang awam dan pihak yang berminat untuk mengemukakan pendapat bertulis terhadap soalan dan cadangan yang terdapat pada Kertas Siasatan Awam ini, yang boleh dicapai melalui pautan berikut:-

https://mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Public-Inquiry-MSQoS-Public-Cellular-Service-Network-Performance-2021_.pdf

https://mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Public-Inquiry-MSQoS-Wired-Broadband-Access-Service-2021_.pdf

https://mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Public-Inquiry-MSQoS-Wireless-Broadband-Access-Service-2021_.pdf

Responden adalah digalakkan untuk memberi pendapat bersama ulasan dan di mana perlu, mengemukakan hujah sokongan atau sumber rujukan bagi menyokong pendapat tersebut. Siasatan Awam ini akan berakhir pada **12:00 tengah hari, 4 Jun 2021**.

MCMC berhak menggunakan sebahagian atau keseluruhan maklumat yang diserahkan untuk tatapan umum. Sebarang informasi komersial yang sensitif hendaklah diasingkan dan ditandakan dengan perkataan "RAHSIA".

Untuk maklumat lanjut mengenai Siasatan Awam Pembaharuan MSQoS boleh menghubungi Jabatan Kualiti Perkhidmatan di:

E-mel : gos.dept@mcmc.gov.my
Faksimili : +603 8688 1000
Perhatian : Jabatan Kualiti Perkhidmatan